



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)

[www.gaexcellence.com/ijmoe](http://www.gaexcellence.com/ijmoe)



**PERBANDINGAN KAEDAH HURUF DAN KAEDAH FONIK  
BACAAN PINTAR DALAM PENGUASAAN MEMBACA  
AWAL: ANALISIS PEMETAAN GRAFEM-FONEM DAN  
PENCAPAIAN ARAS APLIKASI TAKSONOMI BLOOM**

*COMPARISON OF THE ALPHABETIC METHOD AND THE SMART  
READING PHONICS METHOD IN EARLY READING MASTERY: AN  
ANALYSIS OF GRAPHEME-PHONEME MAPPING AND ACHIEVEMENT  
AT BLOOM'S TAXONOMY APPLICATION LEVEL*

Zulkafly Mohd Noor<sup>1\*</sup>, Siti Soraya Lin Abdullah Kamal<sup>2</sup>, Darwalis Sazan<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

 [zulkaflymohdnoor26@gmail.com](mailto:zulkaflymohdnoor26@gmail.com)

 <https://orcid.org/0009-0005-3197-1277>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

 [sorayalin@usm.my](mailto:sorayalin@usm.my)

 <https://orcid.org/0000-0002-2848-7039>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

 [darwalissazan@usm.my](mailto:darwalissazan@usm.my)

 <https://orcid.org/0000-0002-3729-2751>

\*Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 21.04.2026

Revised date: 13.05.2026

Accepted date: 14.06.2026

Published date: 25.06.2026

**Abstrak:**

Kajian ini membandingkan Kaedah Huruf dan Kaedah Fonik Bacaan Pintar dalam penguasaan membaca awal dengan meneliti kedua-dua kaedah membentuk pemetaan grafem-fonem serta kesannya terhadap pencapaian aras aplikasi dalam Taksonomi Bloom. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis data primer berasaskan ujian akhir murid Program Intervensi Tahun Satu. Analisis memfokuskan mekanisme pemprosesan ejaan kepada sebutan, khususnya cara murid memetakan lambang tulisan kepada bunyi semasa membaca perkataan baharu. Kerangka analisis berpandukan struktur suku kata bahasa Melayu (KVK), Teori Kata Fonologi, dan prinsip penyukuan kata bahasa Melayu. Dapatan menunjukkan bahawa murid yang diajar menggunakan Kaedah Huruf cenderung memproses ejaan melalui nama huruf, lalu menghasilkan sebutan yang tidak stabil, terutamanya dalam suku kata tertutup, gugusan konsonan dan urutan vokal. Sebaliknya, murid yang mengikuti Kaedah Fonik Bacaan Pintar

**To cite this document:**

Noor, Z. M., Kamal, S. S. L. A., & Sazan, D. (2026). Perbandingan Kaedah Huruf Dan Kaedah Fonik Bacaan Pintar Dalam Penguasaan Membaca Awal: Analisis Pemetaan Grafem–Fonem Dan Pencapaian Aras Aplikasi Taksonomi Bloom. *International Journal of Modern Education*, 8(30), 656-673.

DOI: 10.35631/IJMOE.830042

memproses ejaan melalui hubungan fonem–grafem secara langsung dan sistematis, sekali gus membolehkan pembentukan sebutan yang lebih stabil, tepat dan konsisten. Perbezaan ini menunjukkan bahawa keupayaan membaca bukan hanya ditentukan oleh kebolehan mengecam huruf, tetapi oleh kestabilan pemetaan grafem–fonem yang membolehkan murid memindahkan kemahiran bacaan kepada perkataan baharu. Kajian ini menyimpulkan bahawa Kaedah Fonik Bacaan Pintar lebih berkesan dalam menyokong penguasaan membaca awal kerana menyediakan laluan dekod yang lebih stabil dan seterusnya membolehkan murid mencapai aras aplikasi dalam Taksonomi Bloom.

**Kata Kunci:**

Membaca Awal, Pemetaan Grafem–Fonem, Kaedah Huruf, Kaedah Fonik Bacaan Pintar, Fonologi Bahasa Melayu, Taksonomi Bloom

**Abstract:**

This study compares the Letter Method and the Bacaan Pintar Phonics Method in early reading acquisition by examining how both approaches construct grapheme–phoneme mapping and how this affects pupils' attainment of the application level in Bloom's Taxonomy. A qualitative approach was employed through the analysis of primary data derived from final reading assessments of pupils in the Year One Intervention Programme. The analysis focuses on the mechanism through which orthographic forms are converted into spoken forms, particularly how pupils map written symbols onto sounds when reading unfamiliar words. The analytical framework is grounded in Malay syllable structure (C)V(C), Phonological Word Theory, and Malay syllabification principles. The findings indicate that pupils taught using the Letter Method tend to process written forms through letter-name recall, resulting in unstable pronunciation, particularly in closed syllables, consonant clusters, and vowel sequences. In contrast, pupils exposed to the Bacaan Pintar Phonics Method process orthographic forms through direct and systematic grapheme–phoneme mapping, enabling more stable, accurate, and consistent pronunciation. This difference demonstrates that reading ability is not determined merely by letter recognition, but by the stability of grapheme–phoneme mapping that enables pupils to transfer decoding skills to unfamiliar words. The study concludes that the Bacaan Pintar Phonics Method is more effective in supporting early reading acquisition because it provides a more stable decoding pathway and enables pupils to attain the application level in Bloom's Taxonomy.

**Keyword:**

Early Reading; Grapheme–Phoneme Mapping; Letter Method; Bacaan Pintar Phonics Method; Malay Phonology; Bloom's Taxonomy



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [ijmoe@gaexcellence.com](mailto:ijmoe@gaexcellence.com)

## Pengenalan

Penguasaan kemahiran membaca awal merupakan asas penting dalam perkembangan literasi kanak-kanak dan menjadi prasyarat utama kepada kejayaan pembelajaran formal di sekolah. Dalam konteks pendidikan awal, membaca bukan sekadar keupayaan mengecam lambang tulisan, tetapi melibatkan proses kognitif yang kompleks yang memerlukan murid memadankan bentuk ortografi dengan representasi bunyi secara tepat dan bermakna. Keupayaan ini menjadi asas kepada pembentukan kelancaran membaca, pemahaman teks dan perkembangan literasi yang lebih tinggi. Oleh sebab itu, kegagalan menguasai kemahiran membaca pada peringkat awal bukan sahaja menjejaskan pencapaian akademik murid, malah berpotensi memberikan kesan berpanjangan terhadap perkembangan pembelajaran mereka secara keseluruhan.

Dalam sistem pendidikan Malaysia, kemahiran membaca diberikan penekanan yang besar melalui pelbagai program intervensi literasi awal. Sejak pelaksanaan Kelas Intervensi Asas Membaca dan Menulis (KIA2M) pada tahun 2006, diikuti Program Literasi dan Numerasi (LINUS) pada tahun 2009, Modul Literasi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) tahun 2020, Program Hub Bantu Membaca sekitar tahun 2022 ke atas, serta Program Intervensi Tahun Satu (PIT1) pada tahun 2024, pelbagai usaha telah diperkenalkan bagi mengurangkan masalah penguasaan membaca dalam kalangan murid tahap awal persekolahan. Walau bagaimanapun, kesinambungan pelaksanaan pelbagai intervensi ini turut menunjukkan bahawa isu penguasaan membaca masih belum dapat diselesaikan secara menyeluruh. Data Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2021 menunjukkan bahawa seramai 698 daripada 21, 836 murid sekolah rendah masih berada pada tahap penguasaan minimum (TP1) dalam literasi membaca. Keadaan ini menunjukkan bahawa masalah penguasaan membaca masih kekal sebagai isu asas dalam pendidikan awal, meskipun pelbagai program intervensi telah dilaksanakan.

Kegagalan intervensi literasi mencapai kesan yang konsisten menunjukkan bahawa isu utama dalam penguasaan membaca bukan hanya terletak pada kewujudan program intervensi, malah pada cara kemahiran membaca diajarkan di dalam bilik darjah. Dalam konteks ini, persoalan yang lebih penting bukan lagi sama ada murid didedahkan kepada program intervensi, tetapi cara hubungan antara huruf dengan bunyi diperkenalkan, diproses dan diaplikasikan oleh murid semasa membaca. Hal ini penting kerana membaca pada peringkat awal bukan sekadar proses mengenal huruf, tetapi proses membina hubungan sistematik antara grafem dengan fonem yang membolehkan murid menukarkan lambang tulisan kepada bunyi secara konsisten. Tanpa hubungan ini, murid mungkin dapat mengecam huruf atau menghafal perkataan tertentu, tetapi tidak semestinya berupaya membaca perkataan baharu secara berdikari.

Dalam pengajaran membaca awal di Malaysia, dua pendekatan utama yang sering digunakan ialah Kaedah Huruf dan Kaedah Fonik. Kaedah Huruf merupakan pendekatan konvensional yang menekankan pengenalan nama huruf, bentuk huruf dan hafalan sebelum murid diajar menggabungkan bunyi menjadi suku kata atau perkataan. Pendekatan ini telah lama digunakan dalam pengajaran asas membaca dan masih diamalkan secara meluas di sekolah. Walau bagaimanapun, pendekatan ini cenderung meletakkan nama huruf sebagai asas utama pembacaan, sedangkan nama huruf tidak sentiasa mewakili bunyi sebenar yang digunakan dalam pembentukan perkataan. Akibatnya, murid sering bergantung pada hafalan nama huruf dan menghadapi kesukaran apabila perlu memproses ejaan kepada sebutan secara langsung.

Sebaliknya, Kaedah Fonik menekankan hubungan langsung antara lambang tulisan dengan bunyi bahasa melalui pengajaran fonem secara sistematik dan eksplisit. Dalam pendekatan ini, huruf diperkenalkan bukan sebagai nama semata-mata, tetapi sebagai lambang kepada bunyi tertentu yang boleh digabungkan secara terus untuk membentuk suku kata dan perkataan. Kaedah ini memberikan laluan dekod yang lebih langsung kerana murid dilatih memetakan grafem kepada fonem secara konsisten. Dalam konteks bahasa Melayu yang mempunyai sistem ortografi yang relatif telus, pendekatan ini dijangka lebih berkesan kerana hubungan antara huruf dengan bunyi lebih stabil dan berpola. Oleh itu, penguasaan membaca awal dalam bahasa Melayu sangat bergantung pada sejauh mana sesuatu kaedah bacaan menyokong pembentukan pemetaan grafem–fonem yang stabil. Pandangan ini selari dengan kajian-kajian terkini yang menunjukkan bahawa kaedah pengajaran fonik berstruktur merupakan pendekatan yang berkesan dalam membantu murid menguasai hubungan grafem–fonem, selain itu pendekatan fonik secara sistematik juga dapat meningkatkan kemahiran dekod bacaan murid pada peringkat awal persekolahan (Lane et al., 2025; Ndiujye, 2025).

Perbezaan asas antara kedua-dua kaedah ini bukan sekadar terletak pada bentuk pengajaran, tetapi pada mekanisme pemprosesan bahasa yang dibina semasa membaca. Murid yang diajar melalui Kaedah Huruf cenderung memproses ejaan melalui nama huruf, manakala murid yang diajar melalui Kaedah Fonik memproses ejaan melalui bunyi fonem. Perbezaan ini menentukan cara sesuatu perkataan dibaca, sama ada sebagai gabungan nama huruf yang dihafal atau sebagai gabungan bunyi yang didekod secara langsung. Justeru, perbezaan keberkesanan kedua-dua kaedah tidak seharusnya dinilai hanya melalui ketepatan bacaan semata-mata, tetapi perlu dianalisis melalui cara murid memproses ejaan menjadi sebutan.

Dalam konteks ini, keupayaan membaca tidak boleh dinilai hanya melalui kebolehan murid menyebut semula perkataan yang telah diajar, kerana keupayaan tersebut masih boleh berlaku melalui hafalan. Sebaliknya, penguasaan membaca yang sebenar hanya dapat dibuktikan apabila murid berupaya menggunakan pengetahuan hubungan huruf–bunyi untuk membaca perkataan baharu yang belum pernah diajarkan secara langsung. Keupayaan ini selaras dengan aras aplikasi dalam Taksonomi Bloom yang disemak oleh Anderson dan Krathwohl (2001), iaitu kebolehan menggunakan pengetahuan yang dipelajari dalam situasi baharu secara bermakna. Dalam konteks membaca awal, aras aplikasi merujuk keupayaan murid memindahkan pengetahuan bunyi–huruf kepada pembacaan perkataan baharu tanpa bergantung pada hafalan atau bantuan langsung guru.

Sehubungan dengan itu, kajian ini membandingkan Kaedah Huruf dan Kaedah Fonik Bacaan Pintar dengan memberikan tumpuan kepada proses kedua-dua kaedah membentuk pemetaan grafem–fonem dan pengaruh perbezaan mekanisme ini terhadap keupayaan murid mencapai aras aplikasi dalam pembacaan awal. Berbeza daripada kajian terdahulu yang lazimnya menumpukan prestasi bacaan atau keberkesanan program secara umum, kajian ini meneliti secara khusus mekanisme pemprosesan ejaan kepada sebutan sebagai asas kepada pembentukan kemahiran membaca. Dengan meneliti hubungan antara kaedah bacaan, proses fonologi dan pencapaian aras aplikasi, kajian ini diharapkan dapat memberikan penjelasan yang lebih mendalam tentang alasan sesuatu kaedah lebih berkesan dalam usaha membina penguasaan membaca awal yang bermakna.

## Pernyataan Masalah

Umumnya, penguasaan kemahiran membaca merujuk keupayaan murid membunyikan perkataan dengan betul, menggunakan intonasi dan jeda yang sesuai serta membaca dengan lancar. Selain itu, kemahiran membaca juga melibatkan keupayaan memahami dan menaakul pelbagai bahan bacaan (Abdul Rasid Jamian, 2011). Dengan kata lain, penguasaan membaca bukan sahaja terbatas kepada aspek sebutan, tetapi turut merangkumi kefahaman terhadap makna bahan yang dibaca.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha untuk memastikan masalah penguasaan membaca dapat dikurangkan, khususnya pada peringkat awal persekolahan. Namun demikian, sasaran sifar murid yang tidak menguasai kemahiran membaca masih belum sepenuhnya tercapai. Keadaan ini lebih membimbangkan apabila masalah literasi bukan sahaja berlaku pada tahap sekolah rendah, malah berlanjutan hingga peringkat sekolah menengah. Sebagai contohnya, Laporan Literasi Bahasa Melayu Sekolah-Sekolah Menengah Bintulu, Sarawak (2017) menunjukkan bahawa seramai 103 daripada 2516 murid tingkatan satu masih tidak menguasai literasi bahasa Melayu. Keadaan ini memperlihatkan bahawa isu literasi akan terus berlarutan sekiranya kaedah pengajaran yang benar-benar berkesan, khususnya yang berasaskan aplikasi dan bukan hafalan, tidak dikenal pasti (Mohamad Rozi Kasim, 2017).

Masalah utama dalam kemahiran membaca sering berkaitan dengan kesukaran mengenal pasti huruf dan membunyikan perkataan. Hal ini berpunca daripada keperluan murid menghafal pelbagai bentuk huruf dan bunyinya. Lynn Gordon (2010) menjelaskan bahawa murid sebenarnya perlu menguasai sebanyak 104 bentuk yang berkaitan dengan huruf, iaitu huruf besar, huruf kecil dan bunyinya. Walaupun murid dapat menghafal nama huruf, mereka sering gagal membunyikannya apabila diuji secara rawak, malah turut keliru antara huruf besar dengan huruf kecil (Nur Laila Kaslan, 2014). Keadaan ini bukan sahaja melambatkan proses membaca, malah menjejaskan kemahiran mengeja dan menulis (Kenedy, 1981).

Selain itu, murid juga menghadapi kesukaran untuk membunyikan vokal, suku kata dan digraf. Tajul Aripin (2005) menjelaskan bahawa kekeliruan sering berlaku apabila huruf vokal bergabung dengan huruf konsonan, contohnya /d+e/ yang dibunyikan sebagai [di] dan bukan [də]. Kekeliruan ini berpunca daripada sifat huruf vokal tertentu, khususnya /e/, yang mempunyai lebih daripada satu representasi bunyi. Di samping itu, kewujudan urutan vokal seperti diftong dan vokal berturutan turut menyukarkan proses pembacaan, contohnya /tiup/ [ti.yup] dan /main/ [ma.en]. Dalam konteks yang sama, kaedah huruf juga menimbulkan kekaburan dalam penguasaan digraf seperti gh, kh, ng, ny dan sy kerana huruf-huruf tersebut tidak diperkenalkan sebagai satu bunyi yang jelas. Sebaliknya, dalam kaedah fonik, digraf diajarkan sebagai satu fonem tunggal seperti [ŋ], [ɲ] dan [ʃ], yang memudahkan murid membunyikan suku kata dengan lebih tepat. Oleh itu, kekaburan dalam hubungan huruf dan bunyi menyebabkan murid sukar membina pemetaan grafem-fonem yang stabil, sekali gus menjejaskan penguasaan kemahiran membaca secara berkesan.

Walaupun terdapat banyak kajian berkaitan dengan masalah membaca, kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan prestasi murid atau keberkesanan program intervensi secara umum. Penjelasan tentang cara sesuatu kaedah bacaan membentuk hubungan antara huruf dengan bunyi semasa proses membaca masih kurang diberikan perhatian secara mendalam. Akibatnya, masih belum jelas pengaruh perbezaan pendekatan pengajaran membentuk pola

pemprosesan bacaan yang berbeza dalam kalangan murid. Oleh itu, kajian ini memberikan tumpuan kepada cara Kaedah Huruf dan Kaedah Fonik Bacaan Pintar membentuk pemetaan grafem–fonem yang berbeza, serta pengaruh perbezaan tersebut terhadap keupayaan murid mencapai penguasaan membaca pada aras aplikasi.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi mencapai dua objektif utama, iaitu:

1. Membandingkan Kaedah Huruf dan Kaedah Fonik Bacaan Pintar dalam pengajaran membaca awal berdasarkan mekanisme pemetaan grafem–fonem yang dibentuk semasa proses membaca.
2. Mengenal pasti dan menentukan kaedah bacaan yang berupaya menyokong pencapaian aras aplikasi berdasarkan Taksonomi Bloom melalui keupayaan murid membaca perkataan baharu secara sendiri.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini memfokuskan dua kaedah bacaan yang digunakan dalam pengajaran membaca awal bahasa Melayu secara khusus, iaitu Kaedah Huruf dan Kaedah Fonik Bacaan Pintar. Fokus ini ditetapkan bagi membolehkan analisis dilakukan secara mendalam terhadap perbezaan mekanisme pemprosesan bacaan yang dibentuk oleh kedua-dua kaedah, khususnya dari sudut pemetaan grafem-fonem dan kesannya terhadap penguasaan membaca awal.

Sejajar dengan fokus tersebut, kajian ini tidak meneliti faktor lain yang turut berpotensi mempengaruhi pencapaian bacaan murid secara khusus seperti latar sosioekonomi, tahap kognitif murid, pengalaman pengajaran guru, kemudahan sekolah, atau persekitaran pembelajaran. Faktor-faktor ini tidak dinafikan mempunyai pengaruh terhadap perkembangan membaca, namun tidak dijadikan fokus utama kerana kajian ini bertujuan meneliti hubungan antara kaedah bacaan dengan mekanisme pemprosesan ejaan kepada sebutan secara khusus.

Batasan ini ditetapkan secara bertujuan bagi mengelakkan analisis menjadi terlalu luas dan seterusnya menjejaskan ketepatan penjelasan terhadap faktor utama yang dikaji. Dengan menghadkan skop kepada dua kaedah bacaan, kajian ini dapat memberikan penjelasan yang lebih terfokus tentang pengaruh perbezaan pendekatan pengajaran membentuk laluan pemprosesan bacaan yang berbeza, dan cara perbezaan tersebut mempengaruhi keupayaan murid mencapai aras aplikasi dalam Taksonomi Bloom.

Pemilihan Kaedah Huruf dan Kaedah Fonik Bacaan Pintar pula dibuat berdasarkan kedudukan kedua-duanya dalam amalan pengajaran membaca di Malaysia. Kaedah Huruf dipilih kerana masih mewakili pendekatan konvensional yang dominan dalam pengajaran membaca awal, manakala Kaedah Fonik Bacaan Pintar dipilih kerana mewakili pendekatan alternatif yang berasaskan hubungan fonem–grafem secara sistematik dan selari dengan struktur fonologi bahasa Melayu. Oleh itu, pemilihan kedua-dua kaedah ini membolehkan perbandingan dibuat secara lebih bermakna terhadap dua asas pedagogi bacaan yang berbeza dalam konteks pengajaran membaca awal.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis perbandingan deskriptif–interpretatif bagi meneliti pengaruh Kaedah Huruf dan Kaedah Fonik Bacaan Pintar membentuk pemetaan grafem-fonem dalam penguasaan membaca awal murid. Reka bentuk ini dipilih kerana fokus kajian bukan untuk mengukur pencapaian murid secara kuantitatif, tetapi untuk meneliti mekanisme linguistik yang berlaku secara mendalam apabila murid memproses ejaan kepada sebutan semasa membaca. Sejajar dengan tujuan tersebut, analisis memberikan tumpuan kepada bentuk sebutan yang dihasilkan murid, cara ejaan diproses, serta hubungan antara corak sebutan dengan kaedah bacaan yang digunakan.

Data kajian terdiri daripada data primer yang diperoleh melalui ujian akhir bacaan murid PIT1 yang dikumpulkan daripada sekolah-sekolah rendah terpilih di Pulau Pinang. Data ini dipilih kerana ujian akhir bacaan menyediakan bukti langsung tentang keupayaan murid membaca secara sendiri selepas melalui intervensi pengajaran. Dalam konteks kajian ini, data ujian akhir bukan ditafsir sebagai skor pencapaian semata-mata, tetapi sebagai data linguistik yang memperlihatkan cara murid memproses bentuk ortografi kepada bentuk sebutan. Oleh itu, unit analisis utama kajian ini bukan markah murid, tetapi bentuk bacaan yang dihasilkan semasa murid membaca perkataan yang mengandungi pelbagai pola fonologi bahasa Melayu.

Bahan analisis terdiri daripada respons bacaan murid terhadap item perkataan yang merangkumi empat pola utama struktur fonologi bahasa Melayu, iaitu suku kata terbuka (KV), suku kata tertutup (KVK), gugusan konsonan, dan urutan vokal. Pemilihan pola ini dibuat kerana keempat-empat struktur tersebut mewakili bentuk asas dan bentuk lanjutan dalam pembinaan bacaan bahasa Melayu, di samping berupaya memperlihatkan perbezaan tahap kestabilan pemetaan grafem-fonem antara kedua-dua kaedah bacaan yang dikaji. Setiap bentuk bacaan murid ditranskripsi semula berdasarkan realisasi sebutan sebenar bagi membolehkan perbandingan dibuat antara bentuk ejaan, bentuk sebutan, dan proses fonologi yang terlibat.

Analisis data dijalankan dalam tiga peringkat. Pada peringkat pertama, data bacaan murid dikenal pasti dan dikategorikan mengikut kaedah bacaan yang digunakan, iaitu Kaedah Huruf dan Kaedah Fonik Bacaan Pintar. Pada peringkat ini, bentuk bacaan murid diteliti berdasarkan ketepatan sebutan, kestabilan pembunyian, dan keupayaan menggabungkan bunyi dalam proses membaca. Pada peringkat kedua, setiap bentuk bacaan dianalisis secara fonologi dengan membandingkan bentuk ejaan dengan bentuk sebutan yang dihasilkan murid. Analisis ini bertujuan mengenal pasti cara murid memetakan grafem kepada fonem, sama ada melalui laluan nama huruf atau laluan bunyi fonem. Perubahan bentuk sebutan dianalisis berdasarkan proses fonologi seperti penyisipan vokal, pengguguran segmen, penyederhanaan gugusan, penggantian bunyi, dan kegagalan penggabungan bunyi. Pada peringkat ketiga, dapatan fonologi tersebut ditafsir berdasarkan aras aplikasi dalam Taksonomi Bloom bagi menentukan sama ada bentuk bacaan yang dihasilkan menunjukkan keupayaan murid memindahkan pengetahuan hubungan huruf–bunyi kepada pembacaan perkataan baharu.

Kerangka analisis kajian berpandukan prinsip fonologi bahasa Melayu yang merangkumi struktur suku kata (KVK) (Tajul Aripin, 2000), Teori Kata Fonologi (Tajul Aripin, 2012), prinsip penyukuan kata bahasa Melayu (Zaharani Ahmad, 2006), serta Teori Generatif Penyukuan oleh Clements dan Keyser (1983). Kerangka ini digunakan bagi menjelaskan hubungan antara struktur ortografi dengan struktur fonologi dalam bacaan awal, khususnya proses bentuk tulisan menjadi bentuk bunyi. Penggunaan kerangka fonologi ini membolehkan

analisis bacaan dilakukan secara lebih sistematis dan linguistik, bukan sekadar berdasarkan betul atau salah sebutan semata-mata.

Bagi menilai tahap penguasaan membaca, kajian ini menggunakan Taksonomi Bloom yang disemak oleh Anderson dan Krathwohl (2001), dengan tumpuan khusus kepada aras aplikasi. Aras ini dipilih kerana kajian ini tidak menilai sama ada murid sekadar mengenal huruf atau mengingat perkataan yang telah diajar, tetapi menilai sama ada murid berupaya menggunakan pengetahuan hubungan huruf-bunyi untuk membaca perkataan baharu secara sendiri atau tidak. Dalam konteks ini, murid dianggap mencapai aras aplikasi apabila mereka dapat memindahkan prinsip bunyi-huruf yang dipelajari kepada bentuk ejaan baharu secara konsisten tanpa bantuan langsung guru. Sebaliknya, bacaan yang hanya bergantung pada hafalan atau pengecaman semula bentuk yang pernah diajar ditafsir sebagai masih berada pada aras pengetahuan atau kefahaman.

Bagi tujuan perbandingan, kedua-dua kaedah bacaan dianalisis berdasarkan mekanisme pemprosesan yang dibina semasa pembacaan. Kaedah Huruf ditafsir sebagai pendekatan yang memproses ejaan melalui pengecaman nama huruf sebelum pembentukan bunyi, manakala Kaedah Fonik Bacaan Pintar ditafsir sebagai pendekatan yang memproses ejaan melalui pemetaan grafem-fonem secara langsung. Perbandingan ini membolehkan kajian menilai bukan sahaja bentuk bacaan yang terhasil, tetapi juga laluan kognitif dan fonologi yang membentuk bacaan tersebut. Melalui pendekatan ini, keberkesanan sesuatu kaedah tidak dinilai hanya berdasarkan ketepatan sebutan akhir, tetapi berdasarkan kestabilan laluan dekod yang membolehkan murid membaca secara fleksibel, bermakna dan berdaya aplikasi.

## **Dapatan Kajian**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa perbezaan utama antara Kaedah Huruf dengan Kaedah Fonik Bacaan Pintar tidak hanya terletak pada ketepatan sebutan akhir, tetapi pada cara murid memproses ejaan kepada sebutan semasa membaca. Analisis memperlihatkan bahawa kedua-dua kaedah membentuk laluan pemprosesan yang berbeza, dan perbezaan inilah yang menentukan kestabilan bacaan, ketepatan sebutan, serta keupayaan murid mengaplikasikan kemahiran membaca kepada perkataan baharu. Secara umum, murid yang diajar menggunakan Kaedah Huruf didapati lebih cenderung memproses ejaan berdasarkan nama huruf, manakala murid yang mengikuti Kaedah Fonik Bacaan Pintar pula memproses ejaan melalui hubungan langsung antara bunyi dengan huruf. Perbezaan mekanisme ini menghasilkan bentuk bacaan yang berbeza dari sudut fonologi, kestabilan sebutan dan pencapaian aras aplikasi.

## ***Mekanisme Pemprosesan Ejaan kepada Sebutan Mengikut Kaedah Bacaan***

Dapatan menunjukkan bahawa murid yang diajar melalui Kaedah Huruf cenderung memproses perkataan bertulis melalui pengecaman nama huruf sebelum cuba menggabungkannya menjadi bunyi. Dalam proses ini, murid tidak memetakan grafem kepada fonem secara langsung, sebaliknya mengaktifkan nama huruf sebagai unit asas bacaan. Akibatnya, bentuk sebutan yang dihasilkan sering memperlihatkan gangguan fonologi seperti penyisipan vokal, penggantian bunyi, pemecahan gugusan, dan kegagalan penggabungan segmen. Corak ini menunjukkan bahawa murid membaca melalui laluan hafalan nama huruf yang tidak telus kepada bentuk fonologi perkataan.

Sebaliknya, murid yang mengikuti Kaedah Fonik Bacaan Pintar menunjukkan pola pemprosesan yang lebih konsisten apabila mereka memetakan lambang tulisan secara langsung kepada bunyi fonem. Dalam proses ini, huruf tidak diproses sebagai nama, tetapi sebagai lambang bunyi yang boleh digabungkan secara linear untuk membentuk suku kata dan perkataan. Dapatan menunjukkan bahawa laluan ini menghasilkan bentuk bacaan yang lebih stabil kerana murid dapat mengekalkan struktur fonologi perkataan tanpa menambah atau menggugurkan segmen yang tidak diperlukan. Keadaan ini menunjukkan bahawa Kaedah Fonik Bacaan Pintar membentuk laluan dekod yang lebih langsung dan lebih stabil berbanding dengan Kaedah Huruf.

### ***Analisis Perbandingan Pemprosesan Bacaan Mengikut Struktur Fonologi***

Berikut ialah perbandingan pemprosesan bacaan mengikut struktur fonologi antara Kaedah Huruf dengan Kaedah Fonik Bacaan Pintar.

#### ***Suku Kata Terbuka (KV)***

Bagi struktur suku kata terbuka, dapatan menunjukkan bahawa murid yang diajar menggunakan Kaedah Huruf dapat mengecam bentuk suku kata asas, tetapi masih menunjukkan kesukaran untuk menggabungkan dua unit suku kata menjadi satu bentuk perkataan yang lengkap. Sebagai contoh, perkataan [bu.ku], dieja [b+u]+[k+u] dibaca sebagai [bu], menunjukkan bahawa murid hanya berjaya memproses unit awal tetapi gagal meneruskan penggabungan kepada suku kata berikutnya. Keadaan ini menunjukkan bahawa murid dapat mengecam unsur visual awal perkataan, tetapi tidak membina gabungan bunyi secara menyeluruh.

Sebaliknya, murid yang mengikuti Kaedah Fonik Bacaan Pintar dapat membaca buku sebagai [buku] dengan tepat dan konsisten. Contoh pengejaannya, [beh+u] +[keh+u]= [bu.ku]. Hal ini menunjukkan bahawa murid memproses kedua-dua suku kata melalui gabungan bunyi linear /b/+u/+k/+u/ dan seterusnya membentuk perkataan penuh tanpa gangguan segmental. Dapatan ini memperlihatkan bahawa dalam struktur asas sekali pun, Kaedah Fonik Bacaan Pintar membina laluan penggabungan bunyi yang lebih stabil berbanding dengan Kaedah Huruf.

#### ***Suku Kata Tertutup (KVK)***

Bagi struktur suku kata tertutup, perbezaan antara kedua-dua kaedah menjadi lebih ketara. Dapatan menunjukkan bahawa murid dalam Kaedah Huruf mengalami kesukaran yang jelas semasa memproses struktur tertutup kerana cenderung membaca berdasarkan nama huruf, bukan bunyi fonem. Sebagai contoh, perkataan pin dibaca sebagai [paien]. Bentuk ini menunjukkan bahawa murid memproses ejaan /p-i-n/ melalui nama huruf /pi/ + /ai/ + /en/, lalu menghasilkan bentuk sebutan yang tidak selaras dengan struktur fonologi sasaran. Keadaan ini menunjukkan bahawa murid tidak memproses /pin/ sebagai unit fonologi tertutup, sebaliknya sebagai gabungan nama huruf yang diaktifkan secara berasingan.

Dalam Kaedah Fonik Bacaan Pintar, perkataan yang sama dibaca secara tepat sebagai [pin]. Hal ini menunjukkan bahawa murid memetakan grafem /p/, /i/, dan /n/ secara langsung kepada fonem, kemudian menggabungkannya menjadi satu bentuk suku kata tertutup yang stabil. Contohnya pengejaan /p+i+n/. Murid ditanam dengan gabungan huruf dibelakang dahulu

[peh]+[i+neh] jadi [peh] +[in]= [pin]. Dapatan ini menunjukkan bahawa Kaedah Fonik Bacaan Pintar lebih berupaya membentuk hubungan fonem-grafem yang membolehkan murid memproses struktur tertutup secara konsisten.

### ***Gugusan Konsonan***

Dapatan bagi struktur gugusan konsonan menunjukkan perbezaan pemprosesan yang lebih jelas antara kedua-dua kaedah. Dalam Kaedah Huruf, murid menunjukkan kecenderungan untuk memecahkan struktur gugusan melalui penyisipan vokal atau pengguguran segmen. Sebagai contoh, perkataan khas dibaca sebagai [kəhas], manakala nganga dibaca sebagai [naga]. Bagi khas, bentuk [kəhas] menunjukkan bahawa murid menyisipkan vokal [ə] untuk memisahkan gugusan konsonan yang tidak dapat diproses secara langsung. Bagi nganga, bentuk [naga] menunjukkan pengguguran unsur nasal velar [ŋ] yang tidak diproses sebagai satu unit bunyi. Corak ini menunjukkan bahawa murid gagal mengekalkan struktur gugusan kerana memproses setiap lambang secara terpisah tanpa pemetaan fonemik yang stabil.

Sebaliknya, murid dalam Kaedah Fonik Bacaan Pintar dapat membaca khas sebagai [khas] dan nganga sebagai [ŋaŋa] dengan lebih tepat. Contohnya /ng/ disebut sebagai satu fonem dan disebut sebagai [ngeh] manakala /kh/ disebut sebagai [kheh]. Ejaannya lebih tepat [ngeh+a]=[nga], sama juga dengan perkataan /khas/ dieja [kheh+as]=[khas]. Hal ini menunjukkan bahawa gugusan konsonan dan digraf diproses sebagai unit fonemik yang stabil, bukan sebagai huruf yang perlu dihuraikan satu per satu. Dapatan ini menunjukkan bahawa Kaedah Fonik Bacaan Pintar membantu murid mengekalkan integriti struktur fonologi perkataan semasa membaca.

### ***Urutan Vokal***

Dalam struktur urutan vokal, murid yang mengikuti Kaedah Huruf menunjukkan ketidakstabilan yang ketara dalam memproses pertemuan dua vokal dalam satu perkataan. Sebagai contoh, perkataan talian dibaca sebagai [talan], manakala taat dibaca sebagai [tihat]. Bentuk [talan] menunjukkan pengguguran vokal tengah yang menjejaskan struktur suku kata asal, manakala bentuk [tihat] menunjukkan penyisipan segmen tambahan untuk memudahkan sebutan. Corak ini menunjukkan bahawa murid gagal mengekalkan struktur urutan vokal kerana tiada mekanisme fonologi yang stabil untuk memproses hubungan vokal berturutan. Jadi murid menggugurkan salah satu huruf vokal atau menyisipkan satu huruf konsonan bagi memecahkan urutan vokal supaya senang disebut.

Sebaliknya, murid dalam Kaedah Fonik Bacaan Pintar dapat membaca /talian/ sebagai [taliyan] dan /taat/ sebagai [taʃat] dengan lebih stabil. Walaupun wujud variasi kecil dalam realisasi bunyi, bentuk sebutan yang dihasilkan masih mengekalkan struktur fonologi asas perkataan. Sebagai contohnya apabila terdapat urutan vokal tinggi bertemu vokal rendah /i.u/, maka mengikut hukum fonologi berlakunya penyisipan konsonan /y/. Maka guru akan menanamkan terus kepada muridnya /an/ akan dibunyikan [yan]. Hal ini menunjukkan bahawa murid dapat memproses urutan vokal melalui laluan bunyi yang lebih sistematik tanpa meruntuhkan struktur fonologi perkataan. Begitu juga dengan perkataan /taat/, suku kata kedua akan disisipkan terus bunyi [ʃat].

## Rumusan Dapatan Perbandingan

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa Kaedah Huruf membentuk laluan bacaan yang bergantung pada pengecaman nama huruf dan hafalan bentuk, manakala Kaedah Fonik Bacaan Pintar membentuk laluan bacaan yang bergantung pada pemetaan grafem-fonem secara langsung. Perbezaan ini menjelaskan alasan murid dalam Kaedah Huruf lebih cenderung menghasilkan bacaan yang tidak stabil, terutama apabila berhadapan dengan struktur fonologi yang lebih kompleks. Sebaliknya, murid dalam Kaedah Fonik Bacaan Pintar menunjukkan bacaan yang lebih stabil kerana mereka memproses ejaan melalui hubungan bunyi-huruf yang lebih konsisten.

Dapatan ini menunjukkan bahawa perbezaan keberkesanan antara kedua-dua kaedah bukan semata-mata terletak pada bentuk sebutan yang terhasil, tetapi pada kestabilan mekanisme pemrosesan yang membentuk sebutan tersebut. Dalam konteks ini, Kaedah Fonik Bacaan Pintar didapati lebih berupaya membentuk laluan dekod yang stabil, sekali gus membolehkan murid membaca perkataan baharu secara lebih konsisten dan berdaya aplikasi.

### Jadual Perbandingan Keberkesanan Kaedah Bacaan dalam Penguasaan Kemahiran Membaca

Aspek Kemahiran Membaca	Kaedah Huruf	Kaedah Fonik Bacaan Pintar
Suku kata terbuka (KV)	Murid membunyikan secara terpisah dan gagal menggabungkan suku kata	Murid dapat menggabungkan suku kata secara konsisten
Suku kata tertutup (KVK)	Berlaku ketidaktepatan sebutan dan kekeliruan bunyi	Sebutan tepat melalui penggabungan bunyi awal dan rima (suku kata kedua) yang ditanam lebih dahulu
Gugusan konsonan	Berlaku pengguguran atau penyisipan bunyi	Gugusan diproses sebagai satu unit fonem dengan tepat
Urutan vokal	Berlaku pengguguran vokal dan penyisipan bunyi tambahan	Sebutan lebih stabil dan menepati struktur fonologi
Pola pembelajaran	Bergantung pada hafalan	Berasaskan pemahaman hubungan fonem-grafem
Keupayaan aplikasi	Terhad kepada perkataan yang diajar	Mampu membaca perkataan baharu secara spontan
Aras Taksonomi Bloom	Pengetahuan dan kefahaman	Mencapai aras aplikasi

## Perbincangan

Perbincangan ini menghuraikan alasan bentuk bacaan yang dihasilkan murid berbeza mengikut kaedah pengajaran yang digunakan. Berdasarkan dapatan, perbezaan tersebut tidak berlaku semata-mata kerana murid “pandai” atau “lemah” membaca, tetapi kerana kedua-dua kaedah membina laluan pemrosesan bacaan yang berbeza. Dalam konteks ini, bentuk sebutan yang terhasil bukan sekadar menunjukkan betul atau salah bacaan, tetapi memperlihatkan proses murid mengeja secara mental sebelum menukarkannya kepada bunyi. Oleh itu, untuk

memahami alasan murid dalam Kaedah Huruf menghasilkan bacaan yang tidak stabil manakala murid dalam Kaedah Fonik Bacaan Pintar menunjukkan bacaan yang lebih tepat, penjelasan perlu diberikan pada tahap proses, bukan semata-mata pada tahap hasil.

### ***Justifikasi Kaedah Huruf Menghasilkan Bacaan yang Tidak Stabil***

Dapatan menunjukkan bahawa murid yang diajar melalui Kaedah Huruf cenderung menghasilkan bacaan yang tidak stabil kerana kaedah ini membina laluan bacaan yang bermula dengan pengecaman nama huruf, bukan bunyi huruf. Dalam proses ini, murid diperkenalkan terlebih dahulu kepada nama huruf seperti /bi/, /ci/, /em/, /en/, /el/ dan sebagainya, kemudian diminta menggunakan maklumat tersebut untuk membaca perkataan. Masalah utama pendekatan ini ialah nama huruf tidak sentiasa mewakili bunyi sebenar yang diperlukan dalam perkataan. Akibatnya, murid tidak membaca melalui bunyi yang membentuk perkataan, tetapi melalui nama lambang yang mewakili huruf tersebut.

Inilah sebab utama murid dalam Kaedah Huruf sering menghasilkan bentuk sebutan yang tidak selaras dengan struktur perkataan sasaran. Apabila murid melihat perkataan “pin”, misalnya, mereka tidak memproses bentuk itu sebagai rangkaian bunyi /p/ + /i/ + /n/, tetapi sebagai gabungan nama huruf yang diketahui, iaitu /pi/ + /ai/ + /en/. Oleh sebab nama huruf tersebut bukan unit bunyi yang sebenar dalam perkataan, murid terpaksa menggabungkan bentuk yang tidak serasi secara fonologi. Hasilnya, sebutan yang terhasil menjadi tidak stabil seperti [païen]. Dalam keadaan ini, kesalahan bukan berlaku kerana murid gagal melihat huruf, tetapi kerana laluan pemprosesan yang digunakan tidak membawa terus kepada bentuk bunyi yang sebenar. Keadaan yang sama menjelaskan alasan murid dalam Kaedah Huruf sering menunjukkan penyisipan vokal, pengguguran bunyi dan pemecahan struktur suku kata. Apabila murid tidak mempunyai hubungan bunyi-huruf yang automatik dan stabil, mereka cenderung “membaiki” struktur perkataan secara spontan agar lebih mudah disebut berdasarkan pola sebutan yang sudah biasa bagi mereka. Sebagai contoh, bentuk khas dibaca sebagai [kəhas] kerana murid tidak dapat memproses gugusan /kh/ secara langsung lalu menyisipkan vokal [ə] untuk memecahkan gugusan tersebut. Bentuk ini bukan kesalahan rawak, tetapi strategi spontan murid untuk menjadikan bentuk bunyi itu lebih mudah disebut. Begitu juga apabila nganga dibaca sebagai [naga], pengguguran [ŋ] berlaku kerana murid tidak memproses “ng” sebagai satu unit bunyi yang stabil. Ini menunjukkan bahawa murid sebenarnya sedang cuba membaca, tetapi menggunakan laluan pemprosesan yang tidak menyediakan asas fonologi yang mencukupi.

Dapatan ini menjelaskan bahawa kelemahan utama Kaedah Huruf bukan kerana murid tidak mengenal huruf, tetapi kerana pengenalan huruf melalui nama tidak menyokong pembentukan hubungan bunyi-huruf yang automatik. Akibatnya, murid lebih bergantung pada hafalan bentuk dan ingatan visual berbanding dengan pemprosesan bunyi secara langsung. Kebergantungan pada hafalan ini bukan sahaja meningkatkan beban kognitif semasa membaca, malah menghalang fleksibiliti bacaan apabila murid berhadapan dengan bentuk ejaan baharu yang tidak pernah dihafal sebelumnya.

### ***Justifikasi Kaedah Fonik Bacaan Pintar Menghasilkan Bacaan yang Lebih Stabil***

Berbeza dengan Kaedah Huruf, murid yang mengikuti Kaedah Fonik Bacaan Pintar menunjukkan bacaan yang lebih stabil kerana kaedah ini membina laluan bacaan yang bermula terus dengan bunyi. Dalam pendekatan ini, huruf tidak diperkenalkan sebagai nama yang perlu

dihafal, tetapi sebagai lambang bunyi yang perlu dibunyikan. Ini bermakna apabila murid melihat huruf, mereka terus mengaitkannya dengan bunyi yang sebenar digunakan dalam pembentukan perkataan. Hubungan ini menjadikan proses membaca lebih langsung kerana murid tidak perlu melalui peringkat tambahan untuk menukar nama huruf kepada bunyi. Pandangan ini selari dengan kajian Indriani (2025) yang mendapati bahawa kaedah fonik membantu murid membina hubungan bunyi-huruf yang lebih stabil dan seterusnya meningkatkan literasi awal.

Inilah sebab utama murid dalam Kaedah Fonik Bacaan Pintar dapat membaca dengan lebih stabil. Apabila murid melihat perkataan pin, mereka terus memprosesnya sebagai [peh]+[i+neh], suku kata kedua [i+neh] [i+neh] ditanam terlebih dahulu, kemudian menggabungkan ketiga-tiga bunyi tersebut menjadi [peh+in] =[pin]. Proses ini lebih stabil kerana unit yang diproses sejak awal sudah merupakan unit bunyi sebenar yang diperlukan untuk membentuk perkataan. Murid tidak perlu meneka, mengubah atau menyesuaikan bentuk bunyi lain kerana laluan yang digunakan sejak awal sudah selari dengan bentuk fonologi perkataan sasaran.

Keadaan ini juga menjelaskan alasan murid dalam Kaedah Fonik Bacaan Pintar lebih berjaya mengekalkan struktur perkataan yang lebih kompleks seperti gugusan konsonan dan urutan vokal. Oleh sebab digraf, diftong dan gugusan diperkenalkan sebagai unit bunyi secara eksplisit melalui pengajaran fonik yang sistematik, murid tidak perlu memecahkan bentuk tersebut kepada huruf-huruf kecil yang berasingan. Sebagai contoh, /ng/ diproses sebagai satu unit bunyi [ŋ], bukan sebagai en + gi. Begitu juga /kh/ diproses sebagai satu unit bunyi [x], maknanya bukan sebagai dua huruf terpisah. Oleh itu, murid dapat mengekalkan struktur bunyi perkataan tanpa perlu menambah atau menggugurkan unsur tertentu semasa membaca.

Keupayaan ini menunjukkan bahawa Kaedah Fonik Bacaan Pintar bukan sekadar membantu murid menyebut dengan betul, tetapi membantu murid membina sistem pemrosesan bacaan yang lebih stabil. Pengajaran fonik yang sistematik membolehkan murid membina pemetaan grafem-fonem yang lebih stabil, sekali gus memudahkan proses dekod dan mengurangkan beban kognitif semasa membaca. Murid tidak lagi bergantung pada hafalan bentuk atau ingatan visual semata-mata, sebaliknya menggunakan hubungan bunyi-huruf sebagai asas membaca. Inilah yang menjadikan bacaan mereka lebih konsisten walaupun berhadapan dengan perkataan baharu.

### **Justifikasi Perbezaan Ini Penting kepada Aras Aplikasi**

Perbezaan antara kedua-dua kaedah ini penting kerana menentukan sama ada murid benar-benar membaca atau sekadar mengingat semula bentuk yang pernah dipelajari. Murid yang membaca melalui hafalan masih boleh menyebut perkataan yang pernah diajar, tetapi keupayaan itu tidak membuktikan bahawa mereka memahami proses perkataan dibina. Sebaliknya, murid yang membaca melalui hubungan bunyi-huruf dapat memproses perkataan baharu walaupun belum pernah melihatnya sebelum ini kerana mereka memahami cara bunyi dibentuk daripada tulisan.

Inilah sebabnya Kaedah Fonik Bacaan Pintar lebih hampir kepada aras aplikasi dalam Taksonomi Bloom. Dalam konteks ini, aras aplikasi tidak merujuk kebolehan mengingat atau mengulang semula, tetapi keupayaan menggunakan pengetahuan dalam situasi baharu. Murid yang dapat membaca perkataan baharu melalui pemetaan grafem-fonem menunjukkan bahawa

mereka bukan sekadar mengingat, tetapi telah memahami dan mengaplikasikan prinsip bacaan secara bermakna. Keupayaan ini memperlihatkan berlakunya pemindahan pembelajaran, iaitu apabila pengetahuan hubungan bunyi-huruf yang dipelajari dapat digunakan semula dalam konteks ejaan baharu secara sendiri dan konsisten. Contohnya apabila guru menyebut sahaja [reh+ a] murid terus boleh menjawab [ra].

Sebaliknya, murid dalam Kaedah Huruf lebih cenderung kekal pada aras pengetahuan dan kefahaman kerana bacaan mereka masih bergantung pada bentuk yang pernah diajar atau dihafal. Apabila berhadapan dengan struktur baharu, murid tidak mempunyai sistem bunyi yang cukup stabil untuk memproses bentuk tersebut secara berdikari. Oleh itu, bacaan menjadi tidak konsisten dan bergantung pada tekaan, hafalan atau bantuan tambahan.

### ***Rumusan Perbincangan***

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa perbezaan antara Kaedah Huruf dan Kaedah Fonik Bacaan Pintar berlaku kerana kedua-dua kaedah membina asas pemprosesan bacaan yang berbeza. Kaedah Huruf membina bacaan melalui laluan nama huruf yang tidak telus kepada bentuk bunyi, menyebabkan murid membaca melalui hafalan dan menghasilkan sebutan yang tidak stabil. Sebaliknya, Kaedah Fonik Bacaan Pintar membina bacaan melalui laluan bunyi yang lebih langsung dan sistematik, membolehkan murid memproses ejaan secara lebih stabil, tepat dan fleksibel.

Hal ini menjelaskan bahawa keberkesanan sesuatu kaedah bacaan tidak terletak semata-mata pada bentuk pengajaran yang digunakan, tetapi pada sejauh mana kaedah tersebut dapat membina laluan pemprosesan yang membolehkan murid menukarkan simbol tulisan kepada bunyi secara konsisten. Dalam konteks ini, dapatan kajian menunjukkan bahawa Kaedah Fonik Bacaan Pintar lebih berkesan bukan hanya kerana murid menyebut dengan lebih tepat, tetapi kerana kaedah ini membina sistem bacaan yang lebih stabil dan seterusnya membolehkan murid mencapai penguasaan membaca yang benar-benar berdaya aplikasi. Pandangan ini selaras dengan pandangan Trezek (2025) yang menegaskan bahawa penguasaan kemahiran membaca asas memerlukan pengajaran yang memberi penekanan kepada hubungan sistematik antara grafem dan fonem. Melalui hubungan yang sistematik ini, murid bukan sahaja dapat membunyikan perkataan malahan berupaya memindahkan pengetahuan huruf-bunyi yang dipelajari kepada pembacaan perkataan baharu secara sendiri dan konsisten.

### **Kesimpulan**

Kajian ini menunjukkan bahawa perbezaan keberkesanan antara Kaedah Huruf dengan Kaedah Fonik Bacaan Pintar dalam penguasaan membaca awal bukan semata-mata ditentukan oleh ketepatan sebutan akhir, tetapi oleh cara sesuatu kaedah membentuk hubungan antara tulisan dengan bunyi semasa proses membaca berlaku. Dapatan kajian membuktikan bahawa murid tidak membaca hanya dengan mengecam huruf, tetapi dengan memproses huruf sebagai bunyi yang perlu digabungkan secara sistematik untuk membentuk perkataan. Oleh itu, keberkesanan sesuatu kaedah bacaan bergantung pada sejauh mana kaedah tersebut mampu membina pemetaan grafem-fonem yang stabil dan boleh diaplikasikan secara konsisten semasa membaca.

Kajian ini mendapati bahawa Kaedah Huruf cenderung membentuk laluan bacaan yang bergantung pada pengecaman nama huruf dan hafalan bentuk. Laluan ini membolehkan murid mengenal huruf dan menyebut semula bentuk yang pernah dipelajari, tetapi tidak cukup stabil untuk menyokong pembacaan perkataan baharu secara berdikari. Akibatnya, murid cenderung menghasilkan bacaan yang tidak konsisten, khususnya apabila berhadapan dengan struktur fonologi yang lebih kompleks seperti suku kata tertutup, gugusan konsonan dan urutan vokal. Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan membaca yang terbina melalui Kaedah Huruf lebih terhad kepada pengecaman dan ingatan, dan belum cukup kukuh untuk menyokong pemindahan kemahiran bacaan kepada konteks baharu.

Sebaliknya, Kaedah Fonik Bacaan Pintar didapati lebih berkesan kerana membina bacaan melalui hubungan bunyi-huruf yang lebih langsung, sistematik dan konsisten. Pendekatan ini membolehkan murid memproses tulisan sebagai unit bunyi yang boleh digabungkan secara terus untuk membentuk perkataan. Oleh sebab itu, murid bukan sahaja dapat membaca dengan lebih tepat, tetapi juga lebih berupaya mengekalkan struktur fonologi perkataan dan memindahkan kemahiran bacaan kepada bentuk ejaan yang belum pernah dipelajari. Keupayaan ini menunjukkan bahawa Kaedah Fonik Bacaan Pintar menyediakan laluan dekod yang lebih stabil dan lebih berkesan dalam usaha membina penguasaan membaca awal yang bermakna.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa penguasaan membaca awal tidak seharusnya dinilai berdasarkan kebolehan murid menyebut semula perkataan yang telah diajar, tetapi berdasarkan keupayaan mereka memproses dan membaca perkataan baharu secara sendiri. Dalam konteks ini, murid yang dapat memindahkan pengetahuan hubungan huruf-bunyi kepada bentuk ejaan baharu menunjukkan bahawa mereka telah mencapai aras aplikasi dalam Taksonomi Bloom. Oleh itu, pemilihan kaedah bacaan yang berkesan perlu berasaskan keupayaannya membina sistem pemprosesan bunyi yang stabil, bukan sekadar memudahkan pengecaman huruf atau hafalan bentuk. Berdasarkan dapatan kajian, Kaedah Fonik Bacaan Pintar didapati lebih berupaya memenuhi keperluan tersebut dan seterusnya lebih berkesan dalam usaha menyokong pembinaan literasi awal yang berfungsi dan berdaya aplikasi.

- 
- Penghargaan:** Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Pendidikan Jarak Jauh Universiti Sains Malaysia atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
- Penyataan  
Pembiayaan:** Penulis juga mengesahkan bahawa kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan, geran, sokongan kewangan atau bentuk pampasan lain yang boleh mempengaruhi dapatan kajian.
- Pernyataan Konflik  
Kepentingan:** Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE)
- Pernyataan Etika:** Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Semua prosedur yang melibatkan responden manusia telah disemak dan diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui rujukan KPM.600-3/2/3-eras (16232) serta Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang melalui rujukan JPNPP.500-8/9/2 Jld.2 (48). Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.
- Pernyataan  
Sumbangan Penulis:** Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Penulis pertama Zulkaflly Mohd Noor bertanggungjawab terhadap pengonsepan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Penulis Kedua Siti Soraya Lin mengendalikan penyemakan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Penulis Ketiga Darwalis Sazan menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.
-

## Rujukan

- Abdul Rasid Jamian, & Zamri Mahamod. (2015). *Sistem pendidikan dan pelaksanaan pengajaran bahasa Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1–12.
- Adams, M. J. (1990). *Beginning to read: Thinking and learning about print*. MIT Press.
- Anderson, L. W., & Krathwohl, D. R. (Eds.). (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A revision of Bloom's taxonomy of educational objectives*. Addison Wesley Longman.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu Melayu mutakhir* (5th ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bloom, B. S., Engelhart, M. D., Furst, E. J., Hill, W. H., & Krathwohl, D. R. (1956). *Taxonomy of educational objectives: Handbook I: Cognitive domain*. David McKay.
- Clements, G. N., & Keyser, S. J. (1983). *CV phonology: A generative theory of the syllable*. MIT Press.
- Ehri, L. C. (1998). Grapheme–phoneme knowledge is essential for learning to read words in English. In J. L. Metsala & L. C. Ehri (Eds.), *Word recognition in beginning literacy* (pp. 3–40). Lawrence Erlbaum Associates.
- Ehri, L. C. (2005). Learning to read words: Theory, findings, and issues. *Scientific Studies of Reading*, 9(2), 167–188. [https://doi.org/10.1207/s1532799xssr0902\\_4](https://doi.org/10.1207/s1532799xssr0902_4)
- Indriani, I. S. (2025). *Application of phonics method for early literacy development in children*. Jurnal Pendidikan Progresif.
- Kenedy, E. C. (1981). *Methods in teaching developmental reading* (2nd ed.). F. E. Peacock Publishers.
- Kenstowicz, M. (1994). *Phonology in generative grammar*. Blackwell.
- Lane, H. B., Tortorelli, L. S., Capin, P., & Phillips, B. M. (2025). *Effect of an instructional program in foundational reading skills on kindergarten and first-grade students*. Reading Research Quarterly. <https://doi.org/10.1002/rrq.607>
- Lynn Gordon. (2010). *Teaching the alphabet: Foundations for reading and writing*. Allyn & Bacon.
- Mohamad Rozi Kasim. (2017). Literasi bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah menengah di Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 45–58.
- Nani Menon. (2000). *Panduan pengajaran prasekolah*. PTS Publications.
- National Institute of Child Health and Human Development. (2000). *Report of the National Reading Panel: Teaching children to read: An evidence-based assessment of the scientific research literature on reading and its implications for reading instruction* (NIH Publication No. 00-4769). U.S. Government Printing Office.
- Ndijuye, L. G. (2025). *Teaching reading in early grades: The classroom practices and debates surrounding phonics-based and whole-language approaches*. Cogent Education.
- Nur Laila Kaslan. (2014). Masalah penguasaan huruf dalam kalangan murid pemulihan awal membaca. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 23–35.
- Seidenberg, M. S. (2017). *Language at the speed of sight: How we read, why so many can't, and what can be done about it*. Basic Books.
- Stanovich, K. E. (1986). Matthew effects in reading: Some consequences of individual differences in the acquisition of literacy. *Reading Research Quarterly*, 21(4), 360–407. <https://doi.org/10.1598/RRQ.21.4.1>
- Tajul Aripin Kassin. (2000). *Struktur suku kata bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Tajul Aripin Kassin. (2005). *Fonologi bahasa Melayu: Teori dan aplikasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Aripin Kassin. (2012). *Teori kata fonologi bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teoh, B. S. (1994). *The sound system of Malay revisited*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Trezek, B. J. (2025). *Special educators' knowledge of foundational reading instruction*. Teacher Education and Special Education.
- Zaharani Ahmad. (2006). *Kepelbagaian dialek dalam bahasa Melayu: Analisis tatabahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.